

# Program pembangunan sosial menerusi pendekatan komunikasi pembangunan diperkenal

NST 17.10.2019 4

**KOTA KINABALU:** Sebuah unit penyelidikan yang baharu ditubuhkan hasil kerjasama Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) sedang berusaha memperkenalkan pendekatan komunikasi pembangunan yang mampu mengukuhkan program pembangunan sosial di Sabah kepada pihak-pihak yang berkepentingan.

Ketua unit penyelidikan berkenaan Latif Lai berkata komunikasi untuk pembangunan yang secara ringkas dikenali sebagai C4D (Communication for Development), adalah pendekatan yang berusaha memahami kepercayaan dan nilai serta kebiasaan sosial dan budaya yang membentuk kehidupan kumpulan sasar yang terlibat dalam sesebuah program.

"Menerusi C4D, kumpulan sasar bukan sekadar diberikan maklumat, tetapi turut dilibatkan dalam mengenal pasti masalah, mencari penyelesaian dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

"Di beberapa negara, C4D berfungsi sebagai elemen penting dalam projek yang dilaksanakan dan ia turut digunakan dalam menangani isu sosial seperti umur ketika perkahwinan, keganasan terhadap kanak-kanak, diskriminasi terhadap golongan kurang upaya dan kesihatan kanak-kanak," katanya dalam satu kenyataan di sini kelmarin.

Beliau berkata Unit Penyelidikan Komunikasi Pembangunan UMS-UNICEF yang bertanggungjawab bagi memperkenalkan C4D di Sabah telah memulakan perbincangan dengan pihak kerajaan, masyarakat sivil dan akademik, sebuah proses yang turut membantu unit berkenaan mendapat maklumbalas tentang isu yang melibatkan wanita dan kanak-kanak, golongan kurang upaya, belia, komuniti dan konservasi.

"Tumpuan awal unit berkenaan adalah untuk memperkenalkan C4D dan bagaimana ia boleh digunakan dalam program pembangunan sosial di

Sabah, sebelum bengkel latihan dan konsultasi diadakan pada tahun hadapan bagi pihak yang berminat menggunakan pendekatan tersebut.

"Unit ini sedang berusaha untuk mendapatkan komitmen pihak berkepentingan untuk menggunakan C4D sebagai pendekatan dalam program pembangunan sosial mereka. Pihak kami akan memberi sokongan dalam bentuk latihan dan konsultasi tentang pendekatan C4D," katanya.

Latif berkata sebuah dialog yang diadakan pada 14 Oktober lepas bagi memperkenalkan unit penyelidikan itu kepada organisasi masyarakat sivil dilihat sebagai langkah positif berdasarkan maklumbalas yang diterima daripada peserta yang ingin menggunakan C4D dalam kerja pembangunan sosial masing-masing.

"Hampir semua yang hadir belum pernah dengar tentang C4D sebelum ini, dan ketika dialog berakhir, mereka menyatakan ia relevan untuk digunakan dalam kerja mereka.